

## **TALKING POINTS**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS MENANDATANGANI IBR DAN CIP UTeM**

*26 Januari 2017, Auditorium Canselori, 2.20 pm*

*Assalamualaikum* warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

**YBhg. Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil,**  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM

**Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Mohd. Razali bin Muhamad**  
Timbalan Nab Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Penolong-Penolong Naib Canselor**

**Yang Berusaha Tuan Razim bin Mohd Noor**  
Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM

**Yang Berusaha Tuan Ahmad Sabri bin Mohamed**  
Timbalan Pengarah Sektor Swasta, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM.

**Yang Berusaha Tuan Abu Talib Othman**  
Pengarah SPRM Melaka

Pegawai-Pegawai Kanan UTeM dan SPRM

Staf, hadirin dan hadirat sekalian.

## **PENGENALAN IBR**

Pantun:

Pohon jelatang pohon berangan,  
Pohon tinggi di tengah belantara;  
Selamat datang tetamu undangan,  
Kami di UTeM menyambut gembira.

- i. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, iaitu Datuk Dzulkifli Ahmad.
- ii. UTeM mengambil inisiatif murni yang diperkenalkan oleh SPRM ini untuk dilaksanakan di kalangan semua warga kerja UTeM.
- iii. Semua warga UTeM yang telah menandatangani borang IBR secara sukarela atas **kapasiti sebagai individu** untuk lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.
- iv. Keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh warga kerja UTeM dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah ini membuktikan bahawa usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksekutif SPRM semata-mata, tetapi sebaliknya ianya merupakan amanah dan

tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di agensi-agensi kerajaan, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

## PENGENALAN IBR

- v. Selain itu, Ikrar Integriti Korporat (CIP) pula merupakan satu deklarasi **oleh sesebuah organisasi korporat** di Malaysia untuk menyokong usaha pencegahan rasuah di Malaysia.
- vi. Menerusi ikrar ini ia dapat membantu UTeM dalam mengambil langkah pertama mengesan kegiatan rasuah sekaligus menggalakkan organisasi untuk melaksanakan program integriti dan memperkuatkannya sistem kawalan dalaman mereka sendiri bagi mencegah rasuah.

- vii. CIP ini juga dapat meningkatkan lagi ketelusan pengurusan dan pentadbiran di UTeM, sekali gus dapat menarik minat lebih ramai pelabur, mengurangkan kos perniagaan, dapat mengekalkan kestabilan organisasi, meningkatkan daya saing sekali gus meningkatkan pertumbuhan hasil dan produktiviti.

## **PENUTUP**

- viii. Diharapkan menerusi usaha murni IBR dan CIP ini dapat meningkatkan lagi kualiti peribadi diri kita dan UTeM sekaligus menyokong hasrat untuk menghapuskan gejala rasuah dalam tempoh tiga tahun menjelang 2020.
- ix. Ia turut merealisasikan visi dan misi UTeM sendiri dalam membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional.

Pantun:

Badan letih berkerut dahi;  
Penat memburu di anak rusa;  
Kerana integriti, rasuah dijauhi,  
UTeM sejahtera, Negara sentosa.